

29/12/2000

Hanya Umno mampu pertahan perpaduan

Azman Mahmood

KOTA BHARU, Khamis - Hanya Umno sebagai parti tulang belakang dan tunjang kepada orang Melayu mampu mempertahankan perpaduan dan mendaulatkan Islam di negara ini.

Sehubungan itu, adalah mustahil Pas mampu menjadi alternatif kepada orang Melayu untuk bersatu dan bernaung di bawahnya kerana jelas parti itu tidak ada matlamat perjuangan membela orang Melayu, melainkan kepentingan politik memperalatkan Islam dan menanam semangat kebencian kepada Umno.

Bekas Setiausaha Dewan Ulama Pas Kelantan, Wan Ismail Wan Ahmad berkata amat sukar bagi orang Melayu untuk bersatu di bawah Pas kerana setiap yang dilakukan Umno, parti itu menolak dan mendakwa tidak betul mengikut persepsi pemimpin mereka.

Katanya, keadaan itu akan meletakkan orang Melayu sentiasa berada dalam situasi perbezaan fahaman dengan disusuli gerakan Pas sentiasa menanam semangat membenci Umno.

Katanya, sebagai bekas ahli Pas yang berada dalam parti itu lebih 30 tahun, sehingga kini Pas tidak menunjukkan sebarang usaha bagi membuktikan parti itu benar-benar membela Islam.

"Jika benar Pas mahu meletakkan Islam di tahap tertinggi kenapa Pas tidak melaksanakan hukum hudud. Amat tidak adil jika menyalahkan Kerajaan Pusat sebagai penghalang.

"Jika ini alasannya, jelas Pas takut kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad daripada melaksanakan hukum Allah dan jika takut kepada seorang manusia seperti Perdana Menteri, jelas Pas dan pemimpinnya sudah syirik di sisi agama," katanya mengulas kenyataan Perdana Menteri yang menolak pendapat orang Melayu kini bersatu di bawah Pas dan parti pembangkang itu hanya mampu menerapkan kebencian rakyat terhadap kerajaan.

Ketika bercakap dalam temubual eksklusif dengan Bernama di Jabatan Perdana Menteri, di Putrajaya Selasa lalu, Perdana Menteri berkata, Pas berjaya dalam menerapkan rasa benci terhadap kerajaan pada masyarakat Melayu melalui kempen benci mereka selama lebih 30 tahun.

Wan Ismail yang kini menjadi penceramah bebas Umno berkata, kenyataan Perdana Menteri itu adalah benar kerana tidak ada bukti Pas menjadi pilihan rakyat dan boleh bersatu di bawahnya kecuali bercakap atas nama Islam yang mereka sendiri tidak melakukannya.

Justeru, katanya jika berlaku perpecahan sesama orang Melayu yang ia adalah berpunca daripada sikap Pas sendiri.

Soalnya sekarang, katanya jika ada orang Melayu tertarik kepada Pas ia kerana parti itu berjaya bermain sentimen Islam yang menjadi senjata politiknya.

"Saya percaya akan sampai masa pemimpin-pemimpin Pas akan menjadi seperti Allahyarham Datuk Asri Muda, tokoh terulung Pas yang akhirnya menyertai Umno dan dibenci penyokong sendiri.

"Akan tiba masa itu Pas ditolak penyokong sendiri apabila pemimpin mereka tersilap cakap dan bertindak. Seperti Asri, penyokong dan parti itu menolaknya hanya kerana beliau memberi pendapat tidak menolak kemungkinan Pas bergabung dengan DAP suatu hari nanti dan hari ini menjadi kenyataan kemungkinan itu ketika Pas di bawah era kepimpinan baru yang dikatakan kepimpinan ulama bersekongkol dengan DAP.

"Dulu Pas menentang dan keluar Barisan Nasional (BN) kerana tidak boleh bersama parti yang disertai bukan Islam seperti MCA dan MIC," katanya yang mengakui menyertai Umno kerana sejak 35 tahun bersama parti itu tidak ada

satu pun dibuat parti itu benar-benar menepati tuntutan Islam.

Katanya, landasan perjuangan Umno sekarang adalah tepat dalam mengekalkan perpaduan Melayu dan keharmonian rakyat.

Menurutnya, dasar Pas tidak konsisten kerana pada masa mereka mendakwa tidak boleh bekerjasama dengan bukan Islam tetapi parti itu turut bergabung dengan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan DAP, termasuk dengan Parti Bersatu Sabah (PBS) pada tahun 1995.

(END)